

SPAN pantau infrastruktur bekalan air rosak akibat banjir

Januari 3, 2024 @ 11:37pm



Foto hiasan - FAIL NSTP

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) bersiap siaga menghadapi sebarang kemungkinan kerosakan infrastruktur bekalan air akibat banjir, bagi memastikan bekalan air pengguna tidak terjejas sepanjang bencana melanda.

Pengarah Bahagian Operasi Wilayah SPAN, Azrul Raimee Ramli, berkata perkara itu dibuat dengan melaksanakan tindakan mitigasi berdasarkan pelan kesiapsiagaan disediakan pengendali bekalan air yang mengandungi tindakan untuk fasa sebelum, semasa dan selepas banjir.

"Antara tindakan yang diambil sebelum apa-apa situasi banjir berlaku ialah meninggikan kedudukan rumah pam di kawasan perumahan yang dikenal pasti berisiko tinggi mengalami banjir berdasarkan data yang diperoleh dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Kita meminta operator mengaktifkan bilik gerakan pemantauan kesan banjir, jadi semasa banjir berlaku, pelan mitigasi akan dilaksanakan, contohnya sekiranya loji bekalan air di daerah 'A' terkesan banjir dan tidak dapat beroperasi, loji di daerah 'B' yang terdekat akan menyokong dan menyalurkan bekalan air kepada kawasan yang terkesan di daerah 'A', katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi tetamu program Malaysia Petang Ini yang bertajuk 'Banjir: Kesiapsiagaan Operator Perkhidmatan Air', terbitan BERNAMA TV hari ini.

Azrul Raimee berkata, bagi fasa selepas banjir, operator akan membuat tinjauan terhadap aset bekalan air seperti rumah pam atau loji rawatan air yang musnah atau rosak disebabkan banjir, dan melaksanakan pembaikpulihan dalam memastikan pengoperasian semula.

Beliau berkata, SPAN akan memastikan pengendali bekalan air di kawasan masing-masing mengemas kini pelan kesiapsiagaan secara berkala, berdasarkan kejadian banjir yang berkemungkinan berbeza setiap tahun, sekiranya ada.

"Maknanya tahun sebelum itu apa yang jadi kena (direkodkan), supaya ada pelan (termasuk) menaik taraf kawasan dan menyelenggara aset secara berkala untuk memastikan semuanya berfungsi dengan baik," katanya.

– BERNAMA

